

**TINJAUAN PEMIKIRAN TAUHID TOK KU PALOH
DALAM KITAB *MA'ARIJ AL-LAHFĀN***

**[A REVIEW OF TOK KU PALOH'S TAUHID THOUGHT
IN *MA'ARIJ AL-LAHFAN*]**

AHMAD ZAMANI NAWI¹
ABDUL MANAM MOHAMAD¹,
MOHD MUSTAFFAMI IMAS¹,
MOHD FIRDAUS JUSOH¹

Abstrak

Tok Ku Paloh merupakan salah seorang ulama Terengganu yang terkenal, dan beliau telah menghasilkan beberapa karya, antaranya kitab *Maarij al-Lahfān* yang membahaskan persoalan tasawuf. Antara aspek yang dibahaskan dalam karya tersebut ialah mengenai persoalan tauhid. Huraian tauhid yang dikemukakan oleh beliau agak berlainan daripada apa yang didapati dalam banyak kitab tauhid. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk memahami dan menilai pemikiran beliau mengenai persoalan tauhid yang dimuatkan dalam kitab tersebut. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang berbentuk dokumentasi. Data dikumpulkan daripada karya Tok Ku Paloh, kitab *Ma'arij al-Lahfan*, dan juga karya-karya ulama yang membahaskan persoalan berkaitan. Kajian ini mendapati bahawa perbincangan mengenai persoalan tauhid yang dikemukakan oleh Tok Ku Paloh merupakan tauhid yang bercorak tasawuf di mana ia selaras dengan apa yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh tasawuf.

Kata Kunci: Tok Ku Paloh, tauhid, kitab *Ma'arij al-Lahfan*.

Abstract

Tok Ku Paloh was one of the well-known muslim scholars of Terengganu, and he has produced several works, including the book *Maarij al-Lahfan* which discusses Sufism. Among the discussed aspects in it is monotheism. The interpretation of monotheism presented in the book is quite unique from those found in other monotheistic books. Therefore, this study was carried out to comprehend and evaluate his thoughts on monotheism inscribed in the book. This study is qualitative in the form of documentation. Data were collected from the work of Tok Ku Paloh, the book of *Ma'arij al-Lahfan*, as well as the work of scholars who discussed similar topics. This study found that the debate on monotheism modelled by Tok Ku Paloh is monotheism in the form of Sufism aligned to what is presented by scholars of Sufism.

Keywords: Tok Ku Paloh, Tauhid, the book of *Ma'arij al-Lahfan*.

¹ Pusat Pengajian Teras (PPT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Corresponding Author:

AHMAD ZAMANI BIN NAWI, Pusat Pengajian Teras (PPT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: ahmadzamani@unisza.edu.my

Cite This Article:

Ahmad Zamani Nawi, Abdul Manam Mohamad, Mustaffami Imas, Mohd Firdaus Jusoh. (2020). Tinjauan Pemikiran Tauhid Tok Ku Paloh dalam Kitab *Ma'arij al-Lahfan*. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(3), 18-30.

PENGENALAN

Tok Ku Paloh merupakan seorang tokoh ulama kelahiran negeri Terengganu yang masyhur dan telah memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan agama Islam di negeri Terengganu pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Kemasyhuran dan bakat kepimpinan beliau terserlah ketika zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881-1918). Perkara ini dapat dilihat dan diteliti dalam beberapa tulisan seperti jurnal, kajian ilmiah, akhbar, majalah, dan lain-lain.

Sepanjang hayatnya, Tok Ku Paloh telah berjaya menghasilkan beberapa buah kitab iaitu kitab *Ma'arij al-Lahfan*, *Uqud ad-Durratayn*, *Sharh 'Aqidah al-'Awwam* dan dua buah kitab mengenai perubatan iaitu *'al-'Afiyah al-Islamiyyah'* dan *'2/4 Tok Ku Paloh'* (Zawawi bin Yusof, 2003: 37). Kitab beliau yang paling masyhur ialah kitab *Ma'arij al-Lahfan*. Isi kandungan kitab ini membahaskan mengenai empat perkara di mana salah satu darinya ialah mengenai tauhid. Setakat ini, buah fikiran beliau mengenai tauhid yang terdapat dalam kitab ini belum tersebar secara meluas dalam masyarakat. Oleh yang demikian, tulisan ini akan mengkaji secara khusus mengenai persoalan tauhid yang telah dibahaskan oleh Tok Ku Paloh dalam kitab *Ma'arij al-Lahfan*.

BIODATA TOK KU PALOH

Tok Ku Paloh atau nama sebenarnya Sayyid 'Abdul Rahman bin Sayyid Muhammad telah dilahirkan di Kampung Chabang Tiga, lebih kurang tiga kilometer dari bandar Kuala Terengganu pada tahun 1236H bersamaan tahun 1817M (Mohd Taufik Arridzo, 2011: 82). Walaupun beliau lebih dikenali sebagai Tok Ku Paloh dalam kalangan penduduk tempatan, namun beliau juga mempunyai nama timangan yang lain di mana beliau telah digelar sebagai Engku Sayyid Keramat. Ini kerana masyarakat di Terengganu menganggapnya sebagai keramat hidup (Muhammad Salleh Awang, 1992: 202) di mana perkara-perkara kekeramatan begitu ketara terjadi pada diri beliau sewaktu beliau masih hidup.

Sepanjang hayatnya Tok Ku Paloh sibuk dengan pelbagai tugas dan aktiviti. Beliau bukan sahaja terlibat dalam aktiviti yang berbentuk keagamaan bahkan beliau turut melibatkan diri dalam urusan pentadbiran kerajaan Negeri Terengganu dengan menyandang beberapa jawatan tertentu. Di antara jawatan yang disandang oleh Tok Ku Paloh ialah, beliau telah dilantik oleh Sultan Zainal Abidin sebagai Syeikhul Ulama' (Ketua Ulama') (Abdullah Zakaria, 1982: 66; Shafie Abu Bakar, 1991: 193), dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Mohamad Abu Bakar, 1991: 183). Selain itu, Tok Ku Paloh juga turut aktif dalam gerakan menentang usaha penjajahan British di negeri Pahang (Mohamad Abu Bakar, 1991: 184). Dalam hal ini, beliau secara tidak langsung telah melibatkan diri dengan membantu pejuang-pejuang Pahang dalam usaha memerangi penjajah.

Dalam kesibukan itu, beliau sempat mengarang beberapa buah kitab iaitu *Ma'arij al-Lahfan*, *Uqud ad-Durratayn* (Engku Ahmad Zaki, 2007: 49), *Sharh 'Aqidah al-'Awwam* dan

dua buah kitab mengenai perubatan iaitu ‘*al-‘Afiyah al-Islamiyyah*’ dan ‘2/4 Tok Ku Paloh (Penulis melihat sendiri kitab ini di Muzium Terengganu)’ (Zawawi Yusof, 2003: 37). Manakala kitab yang paling masyhur (Taufik Arridhzo, 2011: 88) ialah kitab *Ma‘ārij al-Lahfān*. Hal ini berbeza dengan ayahanda beliau Sayyid Muhammad yang dikenali sebagai Tok Ku Tuan Besar di mana beliau mempunyai kelapangan masa yang luas membolehkan beliau bergiat secara aktif dalam berkarya sehingga beliau digelar sebagai “Bapa Kesusasteraan Terengganu” (Engku Ahmad Zaki, 2007: 34).

Tok Ku Paloh meninggal dunia pada tahun 1917, iaitu pada bulan September bersamaan 1 Zulhijjah 1337H ketika berusia 100 tahun. Jenazah beliau telah dimaqamkan di Kampung Paloh iaitu di Bukit Makam (Mohammad bin Yusuf, 1984: 55). Dengan kematian Tok Ku Paloh, masyarakat Terengganu telah kehilangan seorang tokoh ulama’ yang sangat sukar untuk dicari ganti.

KITAB MA‘ĀRIJ AL-LAHFĀN

Kitab *Ma‘ārij al-Lahfān* merupakan sebuah kitab tasawuf yang telah dikarang hasil dari himpunan syarahan Tok Ku Paloh (Yusof Embong, t.th: 15). Kitab ini ditulis pada tahun 1300H, di mana ianya adalah hasil karya yang sangat bernilai. Tok Ku Paloh telah membahaskan kitab ini dalam empat bab iaitu bab tauhid, ma‘rifat, tareqat dan haqiqat. Dari segi huraian kandungan kitab ini menggambarkan betapa Tok Ku Paloh mempunyai ilmu yang tinggi. Ini kerana beliau telah membahaskannya dalam kerangka ilmu tasawuf yang mendalam sehinggakan sukar bagi orang yang cetek pengetahuannya dalam ilmu tasawuf untuk memahami huraian dalam kitab ini. Walaupun huraian kitab ini menjurus kepada ilmu tasawuf, namun Tok Ku Paloh juga turut menghuraikannya berdasarkan ilmu usuluddin yang merupakan asas kepada ilmu-ilmu lain dalam Islam.

KONSEP TAUHID

Persoalan tauhid merupakan antara perkara utama yang dibahaskan oleh Tok Ku Paloh dalam kitab *Ma‘ārij al-Lahfan*. Dalam membicarakan mengenai persoalan tauhid, Tok Ku Paloh telah menghuraikannya berdasarkan kepada kerangka ilmu tasawuf. Kupasan beliau mengenai persoalan ini menyentuh dalam beberapa aspek di mana ianya merangkumi beberapa perkara yang berkaitan dengannya seperti kedudukan ilmu tauhid, keistimewaan kalimah tauhid, pengertian tauhid, cara mencapai tauhid, martabat ahli tauhid dan kemuncak maqam tauhid.

Kedudukan Ilmu Tauhid

Sebelum Tok Ku Paloh menjelaskan dengan panjang lebar mengenai tauhid, beliau terlebih dahulu menyatakan tentang kedudukan ilmu tauhid dalam kerangka keilmuan Islam. Dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa (Sayyid Abdul Rahman, 1300H: 5) ilmu tauhid adalah ilmu yang paling mulia berbanding ilmu-ilmu lain kerana ianya membicarakan mengenai dhat, sifat dan perbuatan (*af‘al*) Allah s.w.t.

Dari keterangan Tok Ku Paloh ini menunjukkan bahawa ilmu tauhid merupakan ilmu yang paling mulia jika dibandingkan dengan ilmu-ilmu Islam yang lain. Ini kerana ia

membicarakan mengenai zat Allah s.w.t yang merangkumi semua sifat dan perbuatan-Nya yang Maha Suci. Pandangan Tok Ku Paloh mengenai kedudukan ilmu tauhid ini menepati dengan pandangan para ulama seperti Hani' bin 'Abd Allāh. Dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa ilmu tauhid merupakan ilmu yang paling mulia. Ini kerana ia adalah ilmu mengenai Allah s.w.t yang merangkumi nama, sifat dan hakNya ke atas hamba (Hani' 'Abdullah T.th: 1). Demikian juga pandangan yang diberikan oleh al-Ghazali (al-Ghazali 2007: 43) dan al-Hammam (,al-Hammam 1984: 5).

Dari sudut rangkuman ilmu tauhid, Tok Ku Paloh (1300H: 7) menyatakan bahawa ilmu tauhid merupakan suatu ilmu yang menghuraikan mengenai persoalan mengisbatkan kewujudan yang hakiki bagi Allah s.w.t. Ianya bertujuan untuk menafikan segala kewujudan yang *majazi*, iaitu semua makhluk dan mengisbatkan segala sifat ketuhanan itu hanyalah milik Allah s.w.t. Berdasarkan kepada penjelasan ini ternyata bahawa beliau cenderung menjelaskan tauhid dari aspek tasawuf. Perbincangan mengenai perkara ini akan kelihatan lebih jelas dalam penjelasan selanjutnya.

Keistimewaan Kalimah Tauhid

Dalam membahaskan mengenai persoalan tauhid, Tok Ku Paloh telah menyentuh mengenainya dari beberapa sudut, antaranya ialah tentang keistimewaan kalimah ini. Menurut Tok Ku Paloh, kalimah tauhid merupakan satu rahsia milik Allah s.w.t yang telah dikurniakan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Selain itu, beliau juga menjelaskan bahawa kalimah ini mempunyai huruf yang terlalu sempurna dan mengandungi ilmu serta rahsia yang terlalu banyak. Sekiranya seseorang itu dikurniakan oleh Allah s.w.t umur yang panjang seperti umur dunia ini sekalipun, namun dia tidak akan mampu untuk menyelaminya melainkan sedikit sahaja. Dalam hal ini Tok Ku Paloh mengumpamakan pengetahuan yang diperolehi oleh manusia seperti satu titisan daripada air laut yang begitu luas (Sayyid Abdul Rahman, 1300H: 11).

Seterusnya, Tok Ku Paloh juga menyatakan bahawa, menerusi hakikat ketuhanan dan ketauhidan Allah SWT di sebalik kalimah tauhid inilah terciptanya langit dan bumi. Bahkan menerusi hakikat yang terkandung di sebalik kalimah ini juga tercipta makhluk daripada tiada kepada ada (Sayyid Abdul Rahman, 1300H: 11). Kenyataan ini menggambarkan bahawa ilmu Allah s.w.t tiada batasannya. Demikian juga dengan sifat-sifat Tuhan yang lain. Ini menunjukkan bahawa betapa terbatasnya pengetahuan manusia. Perkara ini bertepatan sekali dengan firman Allah s.w.t.: Maksudnya: Dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit" (al-Isra' (17): 85).

Dalam konteks lain, Tok Ku Paloh menyatakan bahawa kalimah tauhid itu mempunyai dua bahagian. Bahagian yang pertama ialah penafian iaitu kalimah (*La ilaha*) yang bermaksud tiada tuhan. Sekiranya kalimah ini terhenti setakat ini sahaja, maka ianya bermaksud kekufuran. Hal ini kerana ianya menunjukkan kepada menafikan kewujudan tuhan. Manakala bahagian yang kedua pula ialah kalimah (*Illa Allah*) iaitu keimanan. Ini kerana ianya menunjukkan kepada mengisbatkan hakikat *uluhiyyah* bagi Allah s.w.t (Sayyid Abdul Rahman, 1300H: 103).

Mengenai perkara yang sama, Tok Ku Paloh telah merujuk pandangan Imam Ghazali bagi mengukuhkan pendapat beliau. Beliau telah menukulkan pandangan Imam Ghazali yang menyatakan bahawa, kalimah tauhid (*Lā ilāha*) itu merupakan racun kekufuran dan kalimah (*Illa Allāh*) itu adalah penawar keimanan. Maka hendaklah diminum penawar iman dengan

kalimah (*Illa Allāh*) setelah diminum racun kufur. Jika tidak berbuat demikian maka akan berlakulah kebinasaan pada diri seseorang (Sayyid Abdul Rahman, 1300H: 104). Oleh itu, seseorang hamba hendaklah mengisbatkan Allah s.w.t sebagai Tuhan yang berhak disembah dan dalam masa yang sama menafikan ketuhanan yang lain dariNya sebagaimana firman Allah s.w.t: Maksudnya: “Maka janganlah kamu menyeru (menyembah) Tuhan yang lain di samping Allah, yang menyebabkan kamu termasuk orang-orang yang diazab” (As-Syu‘ara’ (26): 213).

Seterusnya, Tok Ku Paloh juga menyatakan bahawa kalimah tauhid itu terdiri daripada dua unsur. Unsur yang pertama ialah *nafi* dan yang kedua *isbat*. Apa yang dinafikan itu ialah setiap perkara yang terlintas di fikiran manusia bahawa kewujudannya menyamai hakikat kewujudan Allah s.w.t. Manakala perkara yang diisbatkan pula ialah mengenai kewujudan mutlak, iaitu hakikat ketuhanan. Menurut Tok Ku Paloh, apa yang dikehendaki dengan hakikat ketuhanan (Menurut Sayyid Ahmad al-cAydarus, bahawasanya segala hakikat ketuhanan itu pertamanya al-mustaghna can kulli ma siwah[u] ertinya : Yang terkaya daripada tiap-tiap barang yang lainnya, keduanya al-muftaqir[u] ilayh[i] kulli ma cadah[u] ertinya: yang berkehendak kepadaNya oleh tiap-tiap barang yang lainnya. Ketiganya al-macbud bihaqq[in] ertinya: yang disembah akan dia dengan sebenarnya. Keempatnya al-mustahaqq[u] lilcibadat, ertinya: yang mustahak Ia bagi disembah akan Dia. Kelimanya qadim al-dhat, ertinya: yang sedia dhatNya. Keenamnya khaliq al-calam ertinya yang menjadikan calam. Maka tiap-tiap satu daripadanya sekaliannya itu dinafikan dia daripada zat yang lain daripada Allah s.w.t maka yang diisbatkan pada kata la ilah[a] illa Allah itu tersimpan hakikat ketuhanan itu pada Allah s.w.t jua. (Lihat Targhib al-ciyad fi qira’at ratib al-Haddad Sayyid Ahmad bin Muhammad al-cAydarus ,t.th:53.) itu ialah berhimpun dua sifat yang dikenali sebagai *jamal* (keindahan) dan *jalal* (sifat keagungan). Kekuatan *tajalli* (manifestasi) salah satu daripada sifat inilah yang mewujudkan dua alam, iaitu alam ghaib (*alam ulwi*) dan alam nyata (*alam sufli*) (Sayyid Abdul Rahman, 1300H: 11).

Oleh yang demikian, kewujudan semua makhluk (*mumkinat*) ini adalah hasil daripada manifestasi (*tajalli*) sifat keindahan(*jamal*) dan keagungan (*jalal*) Allah s.w.t. Semuanya itu adalah kesan ciptaan (*athar*) daripada perbuatan (*af‘al*) Allah s.w.t. Manakala segala sifat-sifat Tuhan akan nyata pada asmaNya di mana kewujudan sifat dan asma itu bukanlah wujud secara terasing. Jadi, semua alam ini terhasil adalah kerana Allah s.w.t yang telah menciptakannya. Ini kerana telah ada bukti akal dan perbuatan (*fi‘l*) bahawa Allah yang berkuasa penuh dalam menetapkan apa-apa ketetapan yang harus terhadap setiap makhlukNya. Contohnya seperti wujud dan tiada (*adam*) makhluk, sifat dan tempat, masa dan arah (*jihah*) dan segala ukuran makhluk (*miqdar*) (Sayyid Abdul Rahman, 1300H: 12).

Maka jelaslah pada akal yang sempurna bahawa sekalian alam berhajat (*iftiqar*) sepenuhnya kepada Allah s.w.t yang bersifat kaya (*ghina*) iaitu Allah tidak memerlukan sesuatu pun. Sekiranya terlintas di dalam khayalan seseorang hamba bahawa ada sesuatu daripada alam ini yang terpisah (*mustaqil*) di bawah takluk sifat Allah s.w.t dari aspek mengadakan atau meniadakan, maka ianya masih terbelenggu dengan ikatan rantaian syirik khafi (Sayyid Abdul Rahman, 1300H: 12).

Pengertian Tauhid

Perkataan tauhid berasal daripada bahasa arab iaitu (توحيد). Ia merupakan masdar dari perkataan *wahhada* ,*yuwahhidu* yang bermaksud mengesakan. Dari segi istilah pula ialah beriktikad bahawa Allah s.w.t adalah Tuhan yang maha esa atau tunggal (H.M Yusran Asmuni, 1993:1).

Manakala takrif tauhid sebagaimana yang telah diberikan oleh Tok Ku Paloh (1300H:10) ialah mengi^ctiqadkan keesaan Allah s.w.t pada *dhat* dan *sifat* dan *af'al*Nya dengan iktiqad yang pasti (*jazam*) iaitu tanpa ada sedikitpun padanya sebarang *shak*, *waham* dan *zann*. *Shak* ialah pendapat yang buktinya tidak memberi ketepatan adakah tepat atau tidak atau keseimbangan antara percaya atau tidak. *Waham* pula bermaksud pendapat yang buktinya hanya memberikan sangkaan yang lemah tentang ketepatannya dengan hakikat yang sebenar atau lebih kepada tidak percaya daripada percaya. Manakala *zann* ialah pendapat yang memberikan anggapan yang kuat tentang ketepatannya dengan hakikat yang sebenarnya (Shaikh Abdullah, 1973: 166). Kenyataan ini menjelaskan bahawa, mentauhidkan Allah s.w.t hendaklah dengan keyakinan yang sebenar-benarnya iaitu, jiwa seseorang hamba itu hendaklah bebas daripada sebarang keraguan. Seandainya jiwa hamba itu masih lagi terbelenggu walaupun dengan sedikit keraguan sama ada pada *dhat*, *sifat* dan *perbuatan* Allah, maka seseorang itu masih jauh dari hakikat tauhid yang sebenar.

Menurut Shaikh Nafis al-Banjari tauhid ialah mengesakan Allah s.w.t dari segi *perbuatan*, *nama*, *sifat* dan *dhat* (al-Banjari, T.th: 4-13). Manakala Imam Ghazali pula berpendapat, tauhid ialah keupayaan seseorang hamba menghadapkan diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t yang bersifat *qidam* dan memalingkan diri dari setiap yang baharu dengan mengadap kepada yang Qadim sehingga hamba itu tidak mampu melihat diri sendiri dan juga selain dirinya hanya kepada Allah s.w.t. Seandainya hamba itu tidak mampu untuk berbuat demikian dalam keadaan bertauhid, bererti ia belum benar-benar mencapai hakikat tauhid (al-Ghazali, T.th: 21).

Berdasarkan kepada beberapa takrif tauhid yang telah dikemukakan, ternyata bahawa takrif yang diberikan oleh Tok Ku Paloh sama sahaja dengan al-Banjari cuma terdapat sedikit kelainan. Dalam hal ini, Tok Ku Paloh tidak menyertakan perkataan nama-nama (*asma'*) dalam takrif tersebut. Hal ini berkemungkinan beliau berpandangan bahawa *asma'* Allah s.w.t sudah terangkum di bawah sifatNya. Manakala takrifan al-Ghazali mengenai tauhid pula berbeza dengan apa yang telah diyatakan oleh Tok Ku Paloh. Dalam hal ini, takrifan al-Ghazali menjurus kepada pencapaian hakikat tauhid di mana seseorang itu mengalami fana diri iaitu tidak lagi melihat kepada makhluk kerana hati hanya memandang kepada Allah s.w.t. Dengan erti kata lain, pandangan al-Ghazali lebih bersifat khusus, manakala Tok Ku Paloh pula bersifat umum. Walaubagaimanapun takrifan al-Ghazali mempunyai persamaan dengan martabat tauhid yang dikemukakan oleh Tok Ku Paloh. Perkara ini akan dibincangkan dalam perbincangan yang selanjutnya iaitu mengenai martabat tauhid.

Terdapat banyak dalil dalam al-Quran dan juga hadis yang membicarakan tentang keesaan Allah s.w.t sama ada dari segi *dhat*, *sifat* dan *perbuatan*Nya. Di antaranya ialah sebagaimana firman Allah s.w.t: Maksudnya: Dan dialah Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, bagi Nyalah segala puji di dunia dan di akhirat, dan bagi-Nyalah segala penentuan dan Hanya kepada-Nyalah kamu dikembalikan (al-Qasas (28): 70)

Dalil di atas secara jelas menyentuh mengenai keesaan Allah s.w.t pada dhatNya. Manakala dalil yang menunjukkan tentang keesaan Allah s.w.t pada sifatNya ialah sepertimana firman Allah s.w.t: Maksudnya: Dialah Allah yang tiada Tuhan selain Dia, raja, yang Maha suci, yang Maha Sejahtera, yang Mengurniakan Keamanan, yang Maha Memelihara, yang Maha Perkasa, yang Maha Kuasa, yang memiliki segala Keagungan, Maha Suci Allah dari apa yang mereka persekutukan (al-Hashru (29): 23).

Manakala nas yang menunjukkan keesaan Allah s.w.t pada segala perbuatan ialah sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam surah *al-Safat*: Maksudnya: Padahal Allah-lah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu perbuat itu (al-Şafat (37): 96).

Menurut Tok Ku Paloh, ulama' sufi telah bersepakat (1300H:16) bahawa apa yang dimaksudkan dengan tauhid hakiki itu ialah kiasan tentang terbuangnya kegelapan rohani (*dhulmat*) yang merupakan keraguan (syak dan waham) dari dalam hati. Hal ini terjadi apabila seseorang hamba itu memiliki keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah s.w.t dan keesaanNya. Oleh yang demikian, seseorang itu tidak akan dapat mencapai tauhid yang hakiki sehinggakan hatinya disucikan terlebih dahulu. Dalam hal ini, Tok Ku Paloh telah menyarankan dua kaedah bagi menyucikan hati iaitu *takhliyah* dan *tahliyah* (Sayyid °Abdul Rahman, 1300H:11-12). Kaedah ini akan dibincangkan di dalam huraian seterusnya.

Cara Mencapai Tauhid

Berdasarkan kepada penjelasan di atas ternyata bahawa syirik merupakan penghalang utama yang menghalang seseorang hamba untuk mencapai tauhid yang hakiki. Oleh yang demikian, bagi sesiapa yang mendambakan tercapainya martabat tauhid yang hakiki, Tok Ku Paloh menegaskan (1300H:13) hendaklah disucikan hati terlebih dahulu. Bagi menjelaskan mengenai perkara ini, Tok Ku Paloh telah merujuk hadis qudsi sebagaimana firman Allah s.w.t kepada Nabi Dawud a.s: Maksudnya: Sucikan olehmu wahai Dawud bagiKu akan tempat rahsia nescaya Aku hiaskan akan dia dengan rahsiaKu.

Berdasarkan kepada dalil ini, sesungguhnya Allah s.w.t tidak akan mencampakkan (Sayyid Abdul Rahman, 1300H: 11) tauhid ke dalam hati seseorang yang berlumur dengan kekotoran. Hal ini kerana antara tauhid dan syirik itu adalah dua perkara sangat bertentangan dan mustahil antara keduanya dapat dihimpunkan pada tempat yang sama seumpama cahaya dan kegelapan. Oleh yang demikian, betapa perlunya dibersihkan hati terlebih dahulu bagi orang yang mendambakan tauhid bertempat dalam hatinya dan rugilah bagi sesiapa yang tidak berusaha untuk membersihkannya daripada sifat-sifat yang tercela. Firman Allah s.w.t: Maksudnya: Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu, sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya (Surah al-Shams (91): 9).

Oleh yang demikian, apabila seseorang hamba telah menyucikan hatinya daripada semua perkara yang berkaitan dengan keduniaan dan mensucikannya daripada segala tabiat kebinatangan (*bahimah*). maka akan meningkatlah hakikat insaniahnya daripada jiwa kotor (*martabat syaithaniah*) iaitu jiwa yang dipengaruhi oleh kesyaitanan kepada jiwa yang bersih iaitu jiwa kemailkatan (*rohikoh malakiyah*). Apabila sudah hamba mencapai tahap ini ia dapat menyelami alam kerorohanian (*ruh 'alawiah*). Dalam keadaan ini, hijab rohani yang hakikatnya merupakan waham yang melindungi hati akan tersingkap dan akan nyatalah baginya antara kebenaran dari kebatilan (Sayyid Abdul Rahman, 1300H: 12). Dalam isu ini, Tok Ku Paloh

telah merujuk ayat dalam surah al-Isra' sebagaimana firman Allah s.w.t: Maksudnya: Dan katakanlah (wahai Muhammad) telah datang kebenaran dan lenyap kebatilan, sesungguhnya kebatilan (adalah) pasti lenyap (Surah al-Isra' (17): 81)

Sebagai penjelasan kepada ayat ini, Tok Ku Paloh menyatakan bahawa, apabila meresapnya tauhid ke dalam jiwa seseorang hamba, maka akan terhapuslah *syak* dan *waham*, *kufur* dan *nifaq*. Oleh yang demikian, bagi mencapai hakikat tauhid Tok Ku Paloh telah menggariskan dua kaedah bagi menyucikan hati daripada segala perkara yang mengotorkan jiwa. Dalam hal ini beliau menyatakan bahawa semua ulama' tasawuf bersepakat mengenai penyucian hati hendaklah didahului dengan *takhliyah* dan disusuli dengan *tahliyah*. *Takhliyah* bermaksud menyucikan hati daripada perangai yang jahat. Manakala *tahliyah* pula bermaksud menghiasi hati dengan sifat-sifat yang baik.

Kedua-dua kaedah ini sebenarnya bertepatan dengan matlamat dan kepentingan ilmu tasawuf itu sendiri di mana ianya bertujuan untuk membersihkan hati daripada segala sifat tercela agar manusia hanya menghadapkan hatinya kepada Allah s.w.t. Menurut *al-Allamah al-Manjuri* (Abdul Qadir ^oIsa, 2001: 33), tasawuf ialah suatu ilmu untuk mengetahui mengenai cara-cara menyucikan batin daripada kekotoran jiwa iaitu mengenai keaiban dan sifatnya yang tercela seperti iri hati, dendam, hasad dengki, khianat, suka kepada pujian, takabbur, riya', marah, tamak, bakhil, mengagungkan orang-orang kaya dan menghinakan orang-orang fakir.

Jadi, dengan pendekatan ilmu tasawuf hati dapat dibersihkan daripada semua sifat-sifat tercela sehingga terbuang sesuatu yang lain dari Allah. Inilah yang dimaksudkan oleh Tok Ku Paloh dengan kaedah *takhliyah*. Adapun *tahliyah* pula ialah menghiaskan hati dengan sifat-sifat yang mulia seperti taubat, taqwa, istiqamah, berkata benar, ikhlas, *zuhud*, *wara'*, tawakkal, rida, *taslim*, adab, *mahabbah*, zikir dan *muraqabah* (Abdul Qadir, 2001:34). Beliau menetapkan kaedah ini berdasarkan kepada ayat 12 surah Taha. Sebagaimana firman Allah s.w.t: Maksudnya: Sesungguhnya Aku inilah Tuhanmu, Maka tanggalkanlah kedua kasutmu; Sesungguhnya kamu berada di lembah yang suci, Thuwa (Surah Thaha (20): 12).

Tok Ku Paloh telah memahami ayat tersebut secara isyarat di mana maksud firman Allah s.w.t "cabutkan akan kasut kamu", ialah perkara-perkara yang melalaikan hati daripada berhadap kepada Allah s.w.t. Menurut beliau, ayat ini merupakan perintah Allah s.w.t kepada nabi Musa agar dibuang kasut baginda supaya perjalanan menjadi ringan daripada bebanan dua kasut itu dan agar kedua-dua belah kaki suci daripada kekotoran yang terdapat pada kasut. Hal ini bermaksud, apabila hati telah dibersihkan dan dihiasi dengan sifat-sifat mahmudah, maka memudahkan bagi seseorang itu untuk menghadap kepada Allah dan seterusnya mencapai kepada tauhid yang hakiki.

Selain daripada nas-nas al-Quran, terdapat juga hadis yang mengisyaratkan kepada perkara ini walaupun tidak secara langsung. Sebagaimana sabda Nabi s.a.w: Maksudnya: Iman ada tujuh puluh cabang dan yang paling tinggi ialah kalimah *Lā ilāha Illa Allāh* dan yang paling rendah ialah membuang duri di jalanan" (Ibn Hibban (166), T.th: 1/384).

Hadis ini menjelaskan bahawa, hendaklah dibuang sesuatu yang boleh menghalang perjalanan sehingga memudahkan bagi seseorang hamba itu melakukan amal kebajikan di jalan Allah. Kalimah tauhid yang terdapat (Salleh Karimi, 2005: 26) dalam hadis di atas menunjukkan bahawasanya syara' mendahulukan kalimah nafi *La* berbanding kalimah isbat *illa*. Hal ini menunjukkan bahawa proses pembersihan hati hendaklah didahulukan

kemudiannya diisi pula dengan nilai-nilai terpuji, iaitu dibuang segala sifat mazmumah dan diganti dengan sifat-sifat mahmudah secara serentak.

Kesemua dalil yang telah dinyatakan di atas menggambarkan tentang perihal merawat hati dimana permulaannya adalah dengan membersihkan hati daripada segala perkara yang dicela dan disusuli pula oleh pengisian dengan perkara-perkara terpuji. Ini kerana hati merupakan anggota daripada badan manusia yang terpenting dan dalamnya tersimpan pelbagai rahsia. Dalam hal ini Tok Ku Paloh menyatakan bahawa segala hati orang yang medeka itu tempat tersimpan segala rahsia (1300H: 12).

Martabat Ahli Tauhid

Seterusnya, didapati Tok Ku Paloh juga ada menerangkan mengenai martabat yang dicapai oleh ahli tauhid. Menurut beliau, martabat ahli tauhid dapat dibahagikan kepada empat golongan. Pertama ialah orang yang hanya menyebut dengan lidah kalimah *La Ilaha Illa Allah* sedangkan dalam hatinya tiada makna dan hakikat kalimah tersebut (Syed Abdul Rahman, 1300H: 102) iaitu tiada kefahaman dan keyakinan di dalam hati terhadap maksudnya. Maka orang itu dikira sebagai *munafiq*.

Golongan kedua ialah, orang yang menyebut kalimah itu dengan lidahnya dan ada di dalam hatinya makna kalimah tersebut (1300H: 102). Ini bermaksud, seseorang hamba itu bukan sekadar mampu melafazkan kalimahnyanya sahaja, bahkan dapat memahami dan meyakini makna yang terkandung dalamnya, iaitu dengan menafikan adanya tuhan selain Allah s.w.t sebagai yang selayaknya disembah. Maka orang tersebut dikira sebagai orang beriman

Golongan ketiga ialah, jika ada ia pada ruhnyanya maka orang itu *asyiq* (1300H: 102) iaitu, sekiranya kalimah tauhid itu berada pada martabat roh, maka seseorang itu akan mengalami *mahabbah* atau cenderung hati kepada Allah hingga membawa kepada *asyiq*. Dalam keadaan ini rohani hamba menjadi teralu asyik memandang kepada makna-makna ketuhanan Allah SWT.

Manakala golongan keempat ialah, seandainya tauhid berada pada martabat sirr, (1300H:102) maka seseorang itu akan mencapai *mukasyaf* (orang yang dibuka tirai hijab). Sirr merupakan tahap kejernihan rohani yang paling tinggi bagi seseorang hamba. Pada tahap ini, pandangan mata hati akan melihat makna tauhid dengan begitu jelas tanpa sebarang hijab dan memberikan keyakinan yang sangat mantap.

Menurut Tok Ku Paloh, golongan yang kedua (1300H: 102) itu merujuk kepada semua orang yang beriman. Hal ini kerana mereka mempercayai dan membenarkan Allah s.w.t berdasarkan kepada dalil yang sahih semata-mata. Bagi golongan yang ketiga pula merujuk kepada martabat para wali. Hal ini kerana terbuka mata hati daripada hijab dan disinari oleh cahaya daripada tauhid. Golongan yang terakhir pula (1300H:102) menunjukkan kepada martabat *khowas al-khowas* (lebih khusus) kerana telah dibukakan bagi mereka rahsia di sebalik makna tauhid.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, hanya tiga golongan sahaja yang layak digelar sebagai ahli tauhid. Mengenai golongan yang pertama, mereka sebenarnya terkeluar dari kalangan ahli tauhid. Hal ini kerana mereka hanya membenarkan dengan lidah semata-mata sedangkan hati masih diselaputi dengan kekufuran kepada Allah s.w.t. Dengan erti kata yang lain, ucapan yang keluar dari mulut mereka hanyalah retorik bagi mengelirukan orang yang

beriman. Hal ini selaras dengan firman Allah s.w.t: Maksudnya: Dan bila mereka berjumpa dengan orang-orang yang beriman, mereka mengatakan: "Kami Telah beriman". dan bila mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka, mereka mengatakan: "Sesungguhnya kami sependirian dengan kamu, kami hanyalah berolok-olok (al-Baqarah (2): 14).

Mengenai perkara ini al-Ghazali (2005: 270) menyatakan, walaupun pada zahirnya orang-orang munafik di sebut juga sebagai ahli tauhid, namun pada hakikatnya mereka sebenarnya tidak termasuk dalam kalangan ahli tauhid. Mereka hanya disebut sebagai *muwahhid* dengan lisan adalah semata-mata untuk melindungi nyawa dan hartanya di dunia ini sedangkan di akhirat nanti mereka mereka akan menerima azab yang kekal. Dalam membicarakan mengenai isu ini, beliau telah merujuk sebuah hadis sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w: Maksudnya: Maka apabila mereka mengucapkan kalimah *la ilaha illa Allah*, maka terpeliharalah dariku darah dan harta mereka (al-Bukhari (24), t.th: 1/ 26).

Kemuncak Maqam Tauhid

Maqam tauhid yang tertinggi ialah maqam *ubudiyyah*. Menurut Tok Ku Paloh, martabat *ubudiyyah* merupakan suatu martabat yang paling mulia bagi seseorang hamba (1300H: 8). Ini kerana martabat ini merupakan anugerah Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w di mana baginda merupakan makhluk Allah yang paling tinggi martabatnya berbanding makhluk yang lain (Nuh 'Ali Salman, 1999: 135). Mengenai martabat *ubudiyyah* ini Allah s.w.t telah menjelaskannya sebagaimana firmanNya, Maksudnya: Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjid Haram ke Masjid Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebagian dari tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha mendengar lagi Maha Mengetahui" (al-Isrā' (17): 1). Perkataan (*abd*) yang bererti 'hamba' dalam ayat ini merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w di mana baginda dibawa ke *sidratul muntaha* untuk mengadap Allah s.w.t pada malam *isra'* dan *mi'raj*.

Dalam membicarakan mengenai martabat *ubudiyyah* ini, beliau telah merujuk kepada firman Allah s.w.t: Maksudnya: Katakanlah wahai Muhammad: Inilah jalan (agama) ku, Aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata, Maha Suci Allah, dan aku tidak termasuk dalam kalangan orang-orang yang musyrik (Yūsuf (12): 108). Menurut Tok Ku Paloh, apa yang dikehendaki dengan jalan Nabi s.a.w seperti yang dinyatakan dalam ayat tersebut ialah jalan *ubudiyyah* (1300H: 6).

Seterusnya Tok Ku Paloh menyatakan, bagi sesiapa yang ingin mencapai martabat *ubudiyyah* yang sebenarnya, seseorang itu hendaklah terlebih dahulu memiliki tauhid yang hakiki, iaitu dengan menafikan segala perkara yang berkaitan dengan syirik sama ada syirik jali atau khafi (1300H: 6). Ini menunjukkan bahawa syirik menjadi penghalang kepada tercapainya martabat *ubudiyyah*. Dalam hal ini, beliau merujuk pandangan ahli tasawuf. Menurut *Ahlu Allah* (ahli tasawuf yang telah mencapai hakikat makrifat) di antara jenis syirik yang menghalang tercapainya hakikat tauhid ialah mengiktihadkan bahawa ada sesuatu makhluk yang bersifat wujud seumpama wujud Allah s.w.t (1300H: 6-7). Ini kerana martabat *uluhiyyah* sama sekali tidak akan bersekutu dengan martabat makhluk kerana hamba itu pada hakikatnya tetap hamba, sesekali tidak akan berubah walau apapun kedudukannya. Begitu juga halnya dengan Tuhan (1300H: 7).

Oleh yang demikian, Tok Ku Paloh menyarankan agar seseorang hamba itu memiliki sifat *‘ubdiyyah* yang sempurna dengan melaksanakan hak *rububiyah* (suruhan dan larangan Allah, zahir dan batin) (1300H: 6) bersesuaian dengan tujuan ianya diciptakan. Dalam hal ini Tok Ku Paloh telah merujuk kepada ayat al-Quran sebagaimana firman Allah s.w.t: Maksudnya: Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka dapat mengabdikan kepada-Ku” (al-Dhāriyat (51): 56).

Dalam konteks lain, Tok Ku Paloh menjelaskan pula mengenai perjalanan spiritual yang perlu dilalui oleh seseorang hamba bagi mencapai darjat yang paling mulia di sisi Allah s.w.t ini yang beliau namakan sebagai maqam *mi^craj*. Beliau telah membahagikan maqam ini kepada dua, iaitu: Pertama: *Mi^craj* daripada *‘alam al-shahadah* (alam nyata) kepada *‘alam al-ghayb* (alam yang terselindung dari pancaindera). *Mi^craj* ini bermaksud seseorang hamba melakukan segala ketaatan yang zahir seperti menyucikan dirinya daripada setiap perangai yang bertentangan dengan sifat *‘ubdiyyah* (1300H: 9), sebagaimana firman Allah s.w.t: Maksudnya: Dan bersihkanlah pakaianmu. (al-Mudassir (74): 4).

Menurut Tok Ku Paloh, yang dikehendaki dengan “pakaianmu” dalam ayat di atas ialah segala sifat jasmani seperti perangai kebinatangan (*bahimah*). Maka seseorang itu dikehendaki menyucikan diri daripada segala sifat yang keji, kerana pada peringkat ini ia akan menuju kepada satu kedudukan yang suci yang dikenali sebagai alam roh yang disebut oleh Tok Ku Paloh sebagai *wadi al-muqaddasi Tuwa*. Roh pada peringkat ini adalah suci daripada sebarang ikatan (*ta^calluq*) dengan segala unsur kebendaan (*madat*) yang terdiri daripada kewujudan fizikal (*mawjudat*) dan dorongan nafsu.

Kedua: *Mi^craj* daripada *‘alam ghayb* kepada *‘alam ghayb al-ghayb*. *Mi^craj* ini bermaksud perpindahan dan peningkatan yang dialami oleh roh daripada pergantungan dengan sesuatu yang lain kepada pergantungan kepada Allah s.w.t semata-mata dan meningkat kepada maqam kedekatan dengan Tuhan yang dinamakan *qab al-qawsayn* dan seterusnya sampai kepada maqam kesempurnaan dhat Tuhan yang dinamakan *nur al-anwar* seperti yang telah diisyaratkan dalam firman Allah s.w.t: Maksudnya: Dan bahawasanya kepada Tuhanmulah kesudahan (segala sesuatu) (Surah al-Najmi (53): 42).

Menurut Tok Ku Paloh, inilah kesempurnaan makam ihsan yang telah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w dalam sabda baginda: Maksudnya: Bahawa engkau beribadatlah kepada Allah seolah-olah kamu dapat melihatNya, seandainya kamu tidak dapat melihatNya maka sesungguhnya Dia melihat kamu (al-Bukhari (4499),1987: 1793).

Tok Ku Paloh (1300H: 10) menyatakan, maksud hadis ini ialah, hendaklah disempurnakan ibadat semata-mata kerana Allah serta dihadirkan dalam hati bahawa Allah s.w.t mengetahui setiap perbuatan hamba zahir dan batin. Berdasarkan kenyataan ini, pengertian ihsan menurut Tok Ku Paloh ialah merujuk kepada dua aspek iaitu ikhlas dan kehadiran hati. Ikhlas ialah melakukan sesuatu ibadah semata-mata kerana Allah s.w.t. Manakala kehadiran hati pula ialah pandangan atau tilikan hati kepada makna-makna ketuhanan disertai dengan *dhawq* (rasa). Kedua-dua aspek ini saling berkait dan berhubung antara satu sama lain di mana keikhlasan akan tercapai setelah hati memandangi kepada makna-makna ketuhanan Allah s.w.t.

Dalam erti kata lain, ihsan itu ialah seseorang itu memandangi dan merasakan bahawa Allah s.w.t mengetahui setiap tingkah lakunya sama ada secara terang-terangan atau tersembunyi sekalipun yang terlintas di dalam hati. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah

s.w.t: Maksudnya: Dan sesungguhnya kami Telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya (Surah Qaf (50): 16).

Maqam *mi'raj* yang kedua ini merupakan kemuncak bagi segala maqam yang dicapai oleh ahli tauhid. Apabila seseorang hamba itu telah mencapai tahap ini, bererti dia telah pun berjaya mencapai martabat yang paling mulia lagi tinggi di sisi Allah s.w.t iaitu martabat *'ubdiyyah*. Menurut Tok Ku Paloh (1300H: 10), maqam ini tidak akan dicapai oleh sesiapa pun kecuali setelah terlebih dahulu ia mencapai tauhid hakiki dan makrifat yang *dhawqi* (berasaskan rasa hati) yang terkandung di dalam kalimah "*lā ilāha illa Allāh Muhammad Rasūlullāh.*"

KESIMPULAN

Tok Ku Paloh telah menjelaskan persoalan tauhid dalam bentuk yang agak berlainan daripada apa yang biasa dijelaskan oleh ulama usuluddin di mana mereka lebih memfokuskan penjelasan mengenai pengertian tauhid dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti hukum, dalil, pembahagian dan sebagainya. Berbeza dari Tok Ku Paloh di mana beliau telah menghuraikan tauhid dari dimensi tasawuf, selain membahaskannya juga dari sudut usuluddin yang merupakan asas kepada ilmu Islam lain. Penjelasan beliau mengenai tauhid, selain menyentuh pengertiannya dan persoalan berkaitan, lebih memfokuskan aspek tasawuf, mencakupi perbincangan mengenai tauhid hakiki dan cara mencapainya, martabat ahli tauhid dan juga kemuncak maqam tauhid. Aspek-aspek yang beliau kemukakan ini tidak dibahaskan dalam kerangka ilmu usuluddin, tetapi dibahaskan dalam kerangka ilmu tasawuf. Menerusi bahasan beliau ini, ternyata bahawa beliau cuba mendekatkan hubungan antara usuluddin dan tasawuf dari aspek huraian, yang merupakan dua bidang ilmu yang tidak dapat dipisahkan.

RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali. 1982. Perubahan Dalam Pentadbiran Terengganu 1893-1942. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia* Bil 11
- Alias Mat (1992) Peranan Tok Ku Paloh Dalam Perkembangan Islam di Terengganu. Academic exercise (B.A) Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Buyong Adil (1984), *Sejarah Pahang*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. (1974), *Sejarah Terengganu*, Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka,.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007), *Tokoh Ulama Negeri Terengganu: Biografi, Pemikiran, & Sumbangan*. Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
- al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 1993. *al-Muhazzab Min Ihya' 'Ulum al-Din*. Idad: Salih Ahmad al-Shami. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 2005. *Mukhtasar Ihya' 'Ulum al-Din*. Tahqiq: Ahmad Abd al-Razzaq. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad.t.th. *Majmu'ah Rasail*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.

- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2007. *Jawāhir al-Quran wa Durarah*. Tahkik: Mahmud Biju. Damsyik: Dar al-Taqwa.
- Imad al-Din Muhammad. (2005). *Kehidupan Hati Untuk Sampai kepada Tuhan Yang Dikasihi*. Terj. Salleh Karimi Mohd Kari. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Tj., Hayatul Qulub.
- al-Manufi, Mahmud Abu al-Faidh al-Manufi (t.th). *Al-Tamkin fi Sharh Manazil al-Sairin*. Kaherah: Dar al-Nahdah.
- Mohamad Abu Bakar (1991), *Ulama dan Umara: Tok Ku Paloh dan Pemerintahan Islam*, Terengganu: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohammad bin Yusuf, Sayid Abdul Rahman bin Sayid Muhammad (Tok Ku Paloh), dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Journal Persatuan Sejarah Malaysia, percetakan Seasons Sdn Bhd., Kuala Lumpur, 1984.
- Muhammad Nafis al-Banjari.t.th. *al-Durr al-Nafis*. Fatoni: Halabi
- Muhammad Saleh Awang (MISBAHA) (1978), *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H/1942M*. Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Terengganu.
- Muhammad Saleh Awang (MISBAHA) (1978), *Terengganu Dari Bentuk Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors .
- al-Qusyairi, al-Imam Abi Qasim Abd al-Karim.t.th. *Risalah al-Qusyairiyyah*. Tahqiq: Abdul Halim Mahmud, Mahmud bin al-Syarif.
- al-Razi, Muhammad Fakhr al-Din ibn `Umar. 1985. *al-Tafsir al-Kabir wa Mafātih al-Ghayb*. Jil.1,7,9,19,30 & 32. Bayrut: Dar al-Fikr li al-Tiba`ah wa al-Nashr wa al-Tawzi`.
- Razi Yaakob (2008), “Tok Ku Paloh : Suatu Kajian Khusus Mengenai Sumbangannya Terhadap Pengajian Agama di Terengganu”. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- al-Safārinī, Muhammad bin Ahmad bin Salim bin Sulaiman(t.th). *Nazm al-durrat[u] al-Mudiyyah*
- Sayyid Muhammad Sayyid Zainal Abidin al-^cAydarus, *Targhib al-^cIbad fi Qira'at[i] Ratib Haddad*. t.th
- Shafie Abu Bakar (1991) Peranan Ulama' dan Kesannya Terhadap Sikap Anti penjajahan Dengan Rujukan Kepada Pengajaran Tasawuf Sayid Abdul Rahman bin Muhammad (Tok Ku Paloh) Berasaskan Karangannya Ma^carij Lahfan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Abdul Rahman. 1300 H. *Ma^carij al-Lahfan litaraqqi Ila Haqaiq al-'Irfan*.
- Taufik Arridza (2011) *Kitab Ma^carij al-Lahfan Ila Haqaiq al-^cIrfan*: Ketegasaan Mujadid Terengganu Pada Abad Ke-14H. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu,Universiti Malaya.
- Timah Hamzah (1981), Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu: Kajian Ketokohan dan Kepimpinan Haji Abdul Rahman Limbong. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof Embong, *Peranan dan Sumbangan Ulama Terengganu (1800 – 1909)* dalam PESAKA VII.
- Zawawi Yusoff (2003), “Gerakan Dakwah Sufi Syed Abdul Rahman Bin Mohammad (Tok Ku Paloh)”. *Disertasi Sarjana Pengajian Islam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.